

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri
Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat
Modul
Intro
1
2
3
Profil
Tips Mengorat
PENAKLUK
SUAMI-ISTERI
Mohd Nor Mamat




PROFIL
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
أكاديمية الدراسات الإسلامية المعاصرة
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
LATAR BELAKANG AKADEMIK
Ijazah Falsafah Kedoktoran::2012::UiTM
Ijazah Sarjana Sains::1999::UiTM
Ijazah Sarjanamuda Sains Kemanusiaan::1995::UIAM
Sijil Matrikulasi::1992::Matrikulasi UIAM
Sijil Intensif Dwi Bahasa::1991::KUSZA
Sijil Pelajaran Malaysia::1990::SMK Tok Jiring
Sijil Penilaian Darjah Lima::1985::SK Tok Jiring
PROF MADYA DR HJ MOHD NOR MAMAT
Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM
PENGALAMAN KERJAYA
1996 Guru SMK Sri Pantai KL
1997 Pensyarah Kontrak UiTM
1999 Pensyarah Tetap UiTM
2005 Pensyarah Kanan/ Felo ILQaM
2009 Prof Madya/ Ketua Bahagian iLearn
2014 Timbalan Dekan (HEP) ACIS
ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN
Anugerah Inovasi (Antarabangsa) 26
Anugerah Inovasi (Nasional) 12
Anugerah Kecemerlangan Universiti 05
Anugerah Akademik Universiti 2015
Anugerah Akademik Universiti 2012
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2002
Anugerah Jasa Kebaktian HEP 1998
Anugerah Khas Kolej CK 1997-1998
Book Prize IIUM 1996
Arabic Award IIUM 1995
PENERBITAN TERKINI
Bidang Kepakaran:
Bahasa Arab . Literatur, Pengajian Ilmu Wahyu, Sains Maklumat, Asesmen Psikometrik, Etika
KEAHLIAN PROFESIONAL
Ahli
Jawatankuasa Dakwah Negeri selangor
Pengerusi (Pendidikan & Pembangunan Modal Insan)
Mimbar Permuafakatan Ibubapa Malaysia Selangor
Penceramah Bertauliah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Jabatan Agama Islam Selangor
Penceramah Berdaftar
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Fasilitator Bertauliah Pra Perkahwinan Islam
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Ahli

# KOMUNIKASI

=

# KEHIDUPAN

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri
Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat
Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

I

# Fahami Komunikasi Keluarga

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

Apakah;

**KOMUNIKASI LISAN**
**KOMUNIKASI TUBUH**
**KOMUNIKASI "SEKSUAL"**

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

**Konsep Komunikasi Suami Isteri**

Isteri Menghormati Suami Menyayangi
Model Rasulullah & Aisyah
Model Fatimah & Ali R.A

## KAEDAH KOMUNIKASI

**Dua Hala**
**Mengikut Hirarki Anak-Ibu-Suami**
**Laras Bahasa yang Sesuai**
**Jelas & Elakkan Tekaan**
**Guna Komunikasi Positif Elakkan Negatif**
**Peranan Orang Tengah**

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri
Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat
Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

## IMPLIKASI TANPA KOMUNIKASI

**Silap Faham**
**Perceraian**
**Salah Asuhan/ Model**

2

# Elakkan Meminta...Memberilah

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri
Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat
Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

- Melindungi keluarga dan menyedia keperluan hidup.
- Menyediakan pendidikan asas fardhu ain.
- Menguruskan rumahtangga dengan hikmah dan rahmah.
- Mendidik akhlak isteri dengan penuh hikmah.
- Menjaga anak isteri beribadah dan menjauhi maksiat.
- Menyayangi isteri dan menghormati ibubapa.

- Mentaati suami selagi tidak bercanggah dengan AQ & AH.
- Menguruskan kerja-kerja dalaman rumahtangga.
- Menguruskan kecantikan diri untuk suami.
- Membentuk akhlak anak-anak dengan penuh hikmah.
- Menjaga kehormatan diri dan nama suami.
- Menyayangi anak dan menghormati suami.

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat



### TACKLE HATI PASANGAN

Bersama lebih bahagia…
Hargai fitrah hubungan indah…
Berkonfliklah dalam fitrah!
Kenali mars fahami venus!
Abang, romantiklah sikit! Sayang, hormatlah sikit!
Fitrah ditatang jangan ditentang jangan!
Laksanakan tugas hak tertunai!
Pengaruhi minda suami takluki hati isteri!
Air bah, pantai kan berubah…
Pilihlah jalan kebahagiaan!
Almuhimmah: suatu peringatan berguna…
Elaklah jadi derhaka!
Bahagia @ derita, kunci di tangan kita…
Fitrah menghormati…dihormati!
Beramallah dan berdoalah!




Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri
Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat
Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

3-4

## Fahami Fitrah Pasangan
## Elakkan Menambah Stres Pasangan

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat



Kadangkala…

Perkara remeh bagi suami adalah fokus utama bagi isteri…

Perkara menggembirakan suami adalah menyedihkan isteri…

Kadangkala…

Isu yang sama::tetapi difahami secara berbeza oleh suami dan isteri…

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

# 10 TIPS PENAKLUK SUAMI ISTERI

| | |
|---|---|
| ❖IQ | ➢EQ |
| ❖Fizikal | ➢Spiritual |
| ❖Rasional | ➢Emosional |
| ❖Simplistik | ➢Terperinci |
| ❖Keperluan | ➢Perhiasan |
| ❖Bahasa Lisan | ➢Bahasa Badan |
| ❖Komunikasi Jawapan | ➢Komunikasi Perhatian |
| ❖Penghormatan | ➢Perlindungan |
| ❖Cantik | ➢Romantik |
| ❖Seksual | ➢Sensual |

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat



Istilah tiada sehaluan, tidak boleh tinggal bersama, sering bertentangan satu sama lain, tiada persefahaman dan lain-lain adalah antara ungkapan yang mudah menjadi alasan kepada pasangan suami isteri untuk memutuskan ikatan suci perkahwinan.

Ramai yang mengimpikan perkahwinan antara suami isteri berlangsung dan berterusan dengan dua hati sejoli, sehati sejiwa, seia sekata, sentiasa sekata dan sebagainya. Namun, adalah mustahil dua hati dari spesis yang berbeza akan bersetuju dalam kesemua perkara tanpa konflik. Kita sering mengharapkan akan hidup bersama dan melakukan setiap aktiviti kehidupan bersama-sama, namun lebih bahagia andainya kita membahagikan aktiviti-aktiviti kehidupan kita dan kita lakukan mengikut kekuatan kita yang berbeza. Cara sebegini lebih menepati definisi kerjasama dalam membangunkan kehidupan berdua, dan bukannya membuat kerja yang sama lantaran terlalu inginkan perkongsian dan persamaan.

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

# KASIH SAYANG

…disubur…

atau

…dikubur…

kunci ada pada diri kita!

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

5

# Optimumkan Masa Bersama

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

# SIBUK BEKERJA @ PERKAHWINAN JARAK JAUH




Dayend @ Weekend Husband Wife

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

# Risiko Bekerjaya @ PJJ

- GANGGUAN KETIGA
- PUDAR PERASAAN
- KEHILANGAN RUANG PERBINCANGAN
- CETUSAN FITNAH
- RUANG SALAH FAHAM
- HILANG PERANAN

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

- PUJUK HATI MEMAHAMI
- USAH MEMBANDINGKAN
- BANYAKKAN MENGHARGAI
- JAGA KEHORMATAN DIRI
- MAKSIMUMKAN BERTEMU
- KERAPKAN KONTAK
- OPTIMUMKAN TEKS/ MAYA
- SETIA DAN PERCAYA
- SOLAT DAN DOA

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

6

# Bercakap Bahasa Pasangan

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

John Gray dalam buku terlarisnya Men Are From Mars and Women Are From Venus mencetuskan mitos bahawa manusia adalah dua maklhuk asing yang berasal dari dua planet yang berlainan. Mereka bertemu dan kemudiannya bersetuju untuk berkongsi hidup di planet bumi.Dua planet berbeza dengan budaya yang berbeza, persekitaran yang berbeza serta bahasa komunikasi juga berbeza. Selepas lama mereka berpindah ke bumi, mereka mulai lupa asal usul dan sering mempertikaikan cara hidup, pemikiran malah bahasa komunikasi pasangan mereka.

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

1. Perbezaan menilai sesuatu dan memberi penghargaan terhadap sesuatu isu yang melanda dalam kehidupan kita. Umpamanya, setiap kes yang berlaku, suami kebiasaannya segera mencadangkan solusi dan mengenepikan perasaan manakala isteri mengemukakan pandangan dan keraguan yang merisaukan. Pada suami, perasaan dan padangan yang berjela-jela adalah sesuatu yang remeh dan tidak diperlukan, padahal bagi isteri, suami tidak bertanggungjawab dan mengambil keputusan tanpa berfikir panjang. Masing-masing mengakui kehebatan diri masing-masing dan ingin menang dalam membuat keputusan yang difikirkan terbaik, kononnya untuk diri mereka dan pasangan mereka.

2. Kaedah yang berbeza akan diambil oleh lelaki dan wanita apabila berdepan dengan stress dan konflik. Suami lebih memilih untuk memikirkan masalah dan faktor stres untuk diselesaikan seberapa segera namun isteri lebih gembira andainya mempunyai suami yang ingin mendengar serta berkongsi tekanan yang melanda. Dalam situasi beginilah, isteri akan merasakan betapa suami tidak prihatin, tidak mengambil berat dan tidak wujud untuk bertindak sebagai pemujuk kegelisahan mereka, malah kadangkala ramai isteri yang mula mentafsirkan suami mereka suka menyembunyikan rahsia dan tidak mempercayai mereka untuk berkongsi stres yang dihadapi.

3. Perbezaan rasa dihormati dan dihargai juga berbeza. Suami akan lebih terasa dihargai dan dihormati apabila setiap detik, kewujudannya sentiasa diperlukan oleh isterinya. Manakala isteri pula akan terasa dihargai dan dihormati oleh suaminya apablia dirinya sentiasa dibelai, dipujuk dan dilindungi.

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

4. Perbezaan bahasa komunikasi antara lelaki dan wanita juga adalah amat ketara. Suami dan isteri bercakap menggunakan bahasa yang mempunyai maksud berbeza, tujuan yang berlainan malah berhenti bercakap juga dengan sebab serta alasan yang tidak difahami oleh pasangannya. Isteri seharusnya mengerti faktor yang menyebabkan suami tidak bercakap atau makna suami diam, manakala suami pula esharusnya belajar mendengar apabila isteri bercakap, agar tidak menyebabkan komunikasi berakhir dengan kekecewaan.

5. Keperluan, waktu dan tujuan menjalin hubungan intim juga berbeza antara lelaki dan wanita. Seringkali kita mendengar bahawa lelaki berpura-pura menyintai wanita untuk tujuan kepuasan seksual, manakala wanita pula sanggup berpura-pura menggadaikan maruahnya untuk mendapat kasih sayang dari lelaki. Graf cinta lelaki dan wanita juga berbeza di mana perasaan cinta dan kasih sayang wanita kadangkala berubah-ubah mengikut gelombang emosi, dan ini seringkali tidak dimengertikan oleh lelaki. Ia berbeza, berbanding cinta dan kasih sayang lelaki yang lebih konsisten tetapi tidak pula mencapai tahap yang diimpikan oleh setiap wanita.

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat



6. Karakter ataupun indikator kasih sayang yang diperlukan oleh lelaki dan wanita juga tidak sama. Kadangkala kita memberi sesuatu yang kita rasakan hebat, malah kadangkala dengan pengorbanan yang tinggi daripada kita tetapi tidak memenuhi kriteria yang diperlukan oleh pasangan kita. Lelaki lebih memerlukan indikator hormat, menerima dan bersyukur sedangkan wanita lebih memerlukan indikator ambil berat, memahami dan menghargai kewujudannya. Kesilap fahaman terhadap karakter pasangan sebegini akan menjurus kepada rasa kecewa di hati kita yang telah berkorban, dan juga pasangan kita yang mengharapkan berlainan.

7. Cara memberi pandangan dalam bentuk menghargai dan menghormati pasangan masing-masing juga sering disalah fahami oleh lelaki dan wanita. Cara suami menetapkan sesuatu keputusan difahami oleh isteri sebagai kekejaman kuasa diktator manakala cadangan isteri yang disampaikan dengan cara yang tidak sesuai difahami sebagai keingkaran. Lantas, titik salah faham sebegini seolah-olah mencabar keegoan masing-masing yang kemudiannya berterusan dengan konflik yang lebih serius.

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

8. Memberi dan mengambil hati pasangan kita juga berbeza keperluannya, caranya dan kesannya. Lelaki kebiasaannya menganggap dirinya wajar dihormati apabila berkorban mendapatkan atau membelikan sesuatu yang besar untuk pasangannya. Sedangkan apda masa yang sama, seringkali kita mendengar wanita mengatakan bahawa mereka tidaklah mengharapkan sesuatu yang mahal, cukup dengan benday yang kecil tetapi nilai sentimentalnya tinggi. Seorang suami menyangka pengorbanannya bekerja keras, menyediakan kemewahan secukupnya akan membehagikan isterinya, tetapi isteri terasa hidupnya kosong tanpa belaian dan perhatian daripada suami yang sentiasa sibuk.

9. Komunikasi sewaktu sukar boleh juga menyebabkan salah faham andainya tidak dilangsungkan dalam bentuk yang tepat. Cara, sebab dan perkara yang sering dirahsiakan atau dikongsikan oleh lelaki dan wanita adalah sesuatu yang berbeza. Sifat berahsia lelaki terhadap perkara yang dirasakan patut dikongsi oleh wanita menyebabkan wanita merasakan kewujudan dirinya tidak diharga, manakala isteri yang merahsiakan sesuatu yang ingin diketahui oleh suami pula menjadikan dirinya serang isteri yang tidak menghormati, malah tidak memerlukan suami.

10. Meminta sokongan dan perhatian juga mempunyai perbezaan gaya dan maksud bagi lelaki dan wanita. Memahami perbezaan ini akan memudahkan kita mempengaruhi suami atau memujuk isteri kita untuk mendapatkan respon sokongan daripadanya.

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

Akhirnya dalam tulisan beliau, memahami serta melayari kehidupan cinta dan berkasih sayang adalah bermusim serta tidak konsisten. Musim kasih sayang pula boleh jadi berlaku pada waktu yang berbeza bagi suami dan isteri. Cuba bayangkan cinta isteri yang segar umpama di musim bunga, berdepan dengan cinta suami di musim luruh. Sekiranya kita tidak boleh menerima hakikat perubahan cinta empat musim, barangkali kita memutuskan bahawa kesuburan cinta antara kita sudah terpadam lantaran pudarnya cinta suami seumpama pemandangan di musim luruh sedang kita ketika itu sedang mekar mewangi.

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

7-8

# Elakkan Pengaruh Orang Ketiga

## Rai Cerita Pasangan...dengan Kaedah Pasangan

# Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

Elakkan Cerita Orang Ketiga
Ekspresi Syukur
Hormat vs Belai!

Elakkan Bercerita Minat Diri
Banyakkan Melayan Pasangan
Hargai Cara Pasangan!

Usah cari perhatian! Beri!...

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

9

## Komunikasi Fizikal & Virtual

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

BABY BOOMERS

GEN X

GEN Y

GEN Z

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

10

Solat (Doa) dan Al Al Quran

Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

Bila rindu bercakap dengan ALLAH…

**BERSOLATLAH**

Bila rindu mendengar ALLAH bercakap…

**BACALAH AL QURAN**

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ خَيْرَ هٰذِهِ ٱلدَّارِ وَ خَيْرَ مَا فِيْهَا
وَنَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ هٰذِهِ ٱلدَّارِ وَشَرِّ مَافِيهَا

اَللّٰهُمَّ أَلِّفْ بَيْنَ قُلُوْبِنَا وَبَيْنَ قُلُوْبِ أَهْلِنَا بِٱلْمَحَبَّةِ
وَٱلْمَوَدَّةِ وَأَنْزِلِ ٱلسَّكِيْنَةَ فِي قُلُوْبِنَا

## Tips Penakluk Hubungan Suami Isteri

Prof Madya Dr Hj Mohd Nor Mamat

Modul | Intro | 1 | 2 | 3 | Profil

019 2819003

mohdnoor@salam.uitm.edu.my

@usmohdnoor

(MOHD NOR MAMAT)